



ALLAUDEEN (dua dari kanan) mengilat piala ketika menghadiri program *Back to School* di Victoria Institution, Kuala Lumpur semalam.



VICTORIA INSTITUTION yang berusia 130 tahun telah banyak melahirkan pelajar yang berdedikasi.

Kekalkan tradisi kecemerlangan lahirkan ramai cendekiawan, pemimpin

130 tahun Victoria Institution

Oleh AZMI NORDIN

KUALA LUMPUR – Legasi kecemerlangan sekolah Victoria Institution (VI) yang dicapai sepanjang 130 tahun hasil tradisi tersendiri perlu dipelihara, tegas Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid.

Beliau yang juga alumni di sekolah tersebut turut menyeru agar kesemua warga sekolah termasuk murid menyahut cabaran kemasyhuran institut itu di mata orang ramai.

“Tetapi sama ada hendak meneruskan kehebatan itu anak-anak semua yang ada di sini sekarang perlu menyerlah dan menjadikan diri serta sekolah lebih hebat dan memelihara tradisi kecemerlangan itu.

“Untuk itu, setiap pelajar perlu mempunyai nilai jati diri tinggi serta bekerja keras untuk menyerlah dalam akademik, sukan dan siasah diri demi memastikan tradisi sekolah kita terus terpelihara,” ujarnya.

Beliau berkata demikian ke-

tika berucap pada program *Back to School* di Victoria Institution, di sini semalam.

Selain itu, Allaudeen turut berkongsi pengalamannya menjadi penuntut di sekolah itu bermula 1977 dan meninggalkan sekolah selepas tamat STPM pada tahun 1983.

“Sekolah ini mempunyai tradisi sejarah berusia 130 tahun yang terus mengekalkan kecemerlangan murid dan dedikasi para guru sehingga hari ini.

“Bukan semua boleh dapat

bersekolah di VI dengan mudah, hanya pelajar-pelajar yang terpilih belajar di sekolah tersebut dan saya salah seorangnya sebagai pelajar dari keluarga biasa.

“Komitmen, kesungguhan dan ukhuwah (persahabatan) telah memastikan saya menjadi cemerlang dan kembali semula ke sekolah sebagai seorang pegawai Ketua Polis Kuala Lumpur,” katanya.

Kata beliau, pengalaman manis adalah ketika dirinya perlu mengutip dana dengan memer-

lukannya berdepan dengan pelbagai orang kenamaan sekali gus memupuk keyakinan dalam dirinya.

“Sesuai dengan slogannya *Scholar, Sportsman dan Gentleman*, VI melahirkan ramai cendekiawan serta pemimpin hasil komitmen dan didikan guru-guru.

“Saya gembira tradisi prestasi cemerlang itu masih dikekalkan sehingga hari ini dalam akademik dan juga kokurikulum,” tambah beliau.